

# Jualan franciais diunjur naik 2025

Pelan induk pastikan industri berkembang, tawar pakej kondusif

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

**Kementerian** Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengunjurkan nilai jualan dan sambutan industri franciais kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan meningkat berganda pada 2025 berbanding 2019.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata unjuran

seterusnya dapat menawarkan pakej yang kondusif dengan permintaan semasa.

"Pelan induk ini diharap dapat meningkatkan industri franciais dan terus menyumbang kepada KDNK negara selain memperluaskan penguasaan industri ini ke peringkat global. Kementerian berharap satu pelan yang kondusif dan mesra perniagaan dapat dibangunkan.

"Sepanjang Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11) iaitu dari 2016 hingga 2020, Kementerian menyediakan peruntukan sebanyak RM2.464 juta untuk pembangunan franciais domestik dan

RM8 juta untuk pengembangan franciais.

"Dalam tempoh itu, bilangan syarikat franciais meningkat daripada 211 syarikat pada 2016 kepada 258 syarikat pada 2020. Nilai jualan syarikat franciais juga meningkat daripada RM8.62 bilion pada 2016 kepada RM11.15 bilion pada 2018," katanya selepas sesi perbincangan meja bulat bersama industri franciais di Putrajaya, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid dan Ketua Setiausahaanya, Datuk Seri Hassanol Zam Zam Ahmad.

PIPFN adalah pelan lima tahun yang menyeluruh, membolehkan industri franciais mengandakan nilai mereka.

Ia juga sebahagian daripada pelan pemulihan jangka panjang Kementerian pasca COVID-19.

KPDNHEP juga menjemput industri franciais menyertai Karnival Jualan Malaysia 2020 (KJM 2020) dan merencanakan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) sepanjang Julai hingga Disember 2020, khususnya KJM Online Mega Sales pada November ini yang disediakan khas untuk industri e-dagang, franciais dan jualan langsung.